

dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian waan.

mumkan oleh kerajaan.

PBS yakin perancangan pembangunan Labuan sebelum PRU14 diteruskan

Oleh Henry Bating

LABUAN: Lawatan kerja tiga hari Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa ke Labuan bermula Ahad menampakkan pembangunan pulau bebas cukai ini dilaksanakan sebagai kesinambungan perancangan sebelum PRU14.

Mantan Ahli Lembaga Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Peter Mak berkata, jadual ketat lawatan menteri meninjau pelbagai kemudahan awam dan industri kecil di Labuan memperlihatkan betapa Kerajaan Persekutuan peduli kepada rakyat.

"Kami yakin pelbagai perancangan Kerajaan Persekutuan ke atas pembangunan Labuan yang dirancang

sebelum pilihan raya lalu diteruskan setelah Kerajaan Perikatan Nasional dibentuk," katanya.

Peter yang juga Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) berkata demikian sebagai mengulas lawatan Annuar selepas menyambut ketibaan menteri itu di Lapangan Terbang di sini bersama Ketua Bahagian UMNO Senator Datuk Bashir Alias dan pemimpin PAS bahagian.

Turutsertada dalam sambutan itu ialah beberapa pemimpin kanan PBS Bahagian Labuan terdiri daripada Naib Ketua Bahagian Clement Tiansun, Ketua Pergerakan Wanita Datin Herin Lumpisau dan Ketua Pergerakan Pemuda Sheiron Chang.

Semasa di Labuan, Annuar



SAMBUTAN: Peter (kanan) bersama para pemimpin Perikatan Nasional Labuan menyambut Annuar.

meninjau Projek Jalan Pesisir Pantai Membedai, projek naik taraf jalan kampung, Projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ikan tuna Jabatan Perikanan Labuan, pemprosesan ikan bilis Kg Bebuloh, mendengar taklimat Pembangunan dan Hala


Tuju Perbadanan Labuan serta menyampaikan watakah perlantikan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan.

Pada hari kedua Annuar menghadiri Program Sesi Temubual Khas di konti Labuan FM, RTM, meninjau jalan-jalan kampung, menyampaikan sumbangan kepada 11 keluarga asnaf dan melawat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada hari ketiga Annuar dijadual mengadakan pertemuan dengan parti-parti politik Perikatan Nasional serta meninjau Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan pasar Sentral sebelum balik ke Kuala Lumpur.



PBS: Bashir (tengah) bersama pemimpin PBS Bahagian Labuan.

UTUPAV  BRU 20 9/6/2020
MS 2 /